

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

<p>Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum awda memohon Akaun Semasa Mikro (<i>Micro Current Account</i>). Sila baca juga Terma dan Syarat Am dan dapatkan penjelasan dari pihak kami sekiranya awda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini dan syaratnya.</p>	<p>Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei</p> <p><i>Akaun Semasa Mikro (Micro Current Account)</i></p> <p>Maklumat dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah dari 1hb Mac 2024</p>
<p>1. Apakah Akaun Semasa Mikro?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akaun Semasa Mikro adalah akaun yang menggunakan konsep Syariah <i>Qardh</i>. • Akaun ini membolehkan Pelanggan memantau dana dan melakukan transaksi perbankan harian. 	
<p>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Konsep Syariah yang digunakan adalah <i>Qardh</i>. • <i>Qardh</i> ialah sebuah kontrak pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam yang mengikat pihak peminjam untuk membayar balik jumlah gantian yang sama kepada pemberi pinjaman. • Dalam konteks produk ini, Pelanggan (pemberi pinjaman) menyimpan sejumlah wang di TAIB (peminjam) sebagai <i>Qardh</i> (pinjaman tanpa faedah). 	
<p>3. Siapakah yang boleh memohon produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terbuka kepada <i>Sole Proprietor</i>, <i>Partnership</i> atau <i>Private Limited company</i> yang berdaftar di <i>Registry Of Companies (ROC)</i> atau diperbadankan di Negara Brunei Darussalam dengan jumlah pekerja kurang daripada 10 orang. • Organisasi bukan berasaskan keuntungan (<i>Non-Profit Organisation</i>) seperti Masjid, sekolah-sekolah kerajaan, badan-badan kebajikan di dalam Jabatan-Jabatan Kerajaan, persatuan-persatuan sukan, dan persatuan-persatuan yang berdaftar dengan Pasukan Polis Diraja Brunei. 	
<p>4. Apakah dokumen yang diperlukan?</p> <p><i>Sole-Proprietor:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Kad Pengenalan asal ➤ Penandatanganan yang sah untuk Pemilik Tunggal ➤ Sijil Pendaftaran asal (Seksyen 16 dan 17) ➤ Surat Kuasa Arah dan E-Penyata <p><i>Partnerships:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Kad Pengenalan asal semua rakan kongsi ➤ Penandatanganan yang sah semua rakan kongsi ➤ Sijil Pendaftaran asal (Seksyen 16 dan 17) ➤ Surat Kuasa Arah dan E-Penyata <p><i>Private Limited Company (SDN BHD):</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Kad Pengenalan asal semua Pengarah dan semua Penandatanganan yang sah (jika berkenaan) 	

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

- Sijil Penubuhan asal
- Surat Kuasa Arahkan dan E-Penyata
- Memorandum dan Artikel Pertubuhan
- Resolusi Pengarah (*Diperlukan: Kuasa Arahkan dan E-Penyata*)

Sekolah:

- Kad Pengenalan asal Penandatangan yang Sah
- Surat Pelantikan dari Kementerian Pendidikan
- Surat Kuasa Arahkan dan E-Penyata

Masjid:

- Kad Pengenalan asal Penandatangan yang sah
- Surat Kelulusan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (Hal Ehwal Masjid)
- Surat Kuasa Arahkan dan E-Penyata
- Minit Mesyuarat ahli-ahli Jawatankuasa Masjid

Lain-lain (Koperasi, Pertubuhan, Perbadanan, Tabung, Persatuan, Majlis Perundingan Kampung):

- Kad Pengenalan asal Penandatangan yang sah
- Surat Kelulusan dari Pasukan Polis Diraja Brunei mengenai penubuhan Perbadanan, Koperasi (Certificate of Registration)
- Surat Pelantikan
- Surat Kuasa Arahkan dan E-Penyata
- Minit Mesyuarat ahli-ahli jawatankuasa

5. Apakah yang perlu Pelanggan lakukan semasa membuka akaun?

- Semasa pembukaan akaun, Pelanggan akan diberikan teks tawaran dan penerimaan ("*Sighah Aqad*"), yang mana Pelanggan dikehendaki untuk melafazkannya di hadapan kakitangan Perbadanan TAIB.
- Perlu mendaftar bagi perkhidmatan digital *Scan To Pay (STP)* atau *External Payment Interface (EPI)*

6. Apakah ciri-ciri produk ini?

- Wang deposit Pelanggan adalah dijamin.
- E-Penyata, Perbankan Mudah Alih dan Perbankan Internet tersedia.
- Kemudahan Buku cek disediakan.

7. Berapakah deposit awal diperlukan?

- Simpanan permulaan minimum ialah B\$50.00.

8. Apakah terma dan syarat utama produk ini yang perlu Pelanggan ketahui?

- Pelanggan boleh merujuk kepada Terma dan Syarat Am di laman sesawang (www.taib.com.bn) untuk maklumat lanjut.

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

9. Apakah Fi yang perlu Pelanggan bayar?

- Berikut adalah fi khas bagi Akaun Semasa Mikro:

Jenis Fi	Jumlah Fi
Jenis Fi	Jumlah Fi
Fi bagi jumlah di bawah baki harian minimum	B\$2.00/sebulan
Penutupan awal akaun dalam tempoh enam (6) bulan	B\$25.00
Caj dorman tahunan (Setengah tahun)	B\$10.00
Caj pengaktifan semula akaun	B\$15.00
Fi bagi perkhidmatan Cek:	
Fi duti setem bagi buku cek	B\$5.00 / setiap 50 helai
Cek ditanda	B\$30.00
Buku cek tidak diambil dalam 3 bulan	B\$15.00
Cek ditahan kerana hilang / dicuri atau lain-lain	B\$15.00 setiap cek /Maksimum B\$100.00
Cek ditahan kerana dana tidak mencukupi	B\$100.00
Cek dikembalikan kerana dana tidak mencukupi	B\$120.00
Buku cek hilang	B\$5.00 setiap cek / Maksimum B\$50.00

- Fi adalah tertakluk kepada perubahan; sila rujuk kepada '**Jadual Tarif dan Fi TAIB**' untuk sebarang perubahan pada kadar dan fi perkhidmatan lain.

10. Apakah risiko berkaitan dengan produk ini?

- Akaun akan ditutup secara automatic sekiranya Pelanggan tidak mempunyai baki selama 6 bulan berturut-turut.

11. Bagaimana cara menjaga keselamatan akaun ini?

- Pelanggan dinasihatkan untuk mempertimbangkan dengan teliti semua faktor risiko sebelum membuka Akaun Semasa Mikro.

12. Apakah yang perlu Pelanggan lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan Pelanggan?

- Untuk memastikan Pelanggan menerima surat menyurat dan makluman daripada Perbadanan TAIB, Pelanggan hendaklah memaklumkan Perbadanan TAIB secepatnya jika terdapat perubahan di dalam butiran maklumat yang diberikan kepada Perbadanan TAIB.

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

13. Di manakah Pelanggan boleh mendapat bantuan?

- Untuk mendapatkan bantuan, Pelanggan boleh mengunjungi cawangan Perbadanan TAIB atau menghubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB di talian +673 2220299.
- Jika langkah penyelesaian Perbadanan TAIB bagi pertanyaan atau aduan kurang memuaskan, Pelanggan boleh menghubungi Isu Pengguna Kewangan, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) melalui e-mel di fci@bdcb.gov.bn atau datang terus ke alamat berikut:

Isu Pengguna Kewangan
Brunei Darussalam Central Bank
Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam
Tel: +673 2380007

14. Apakah Produk-Produk Akaun Semasa (*Current Account*) lain yang sedia ada?

- Akaun Semasa (*Retail Current Account*)
- Akaun Semasa Korporat (*Corporate Current Account*)



LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini hendaklah dibaca bersama dengan Jadual Tarif dan Fi TAIB dan Terma dan Syarat Am TAIB.

Saya mengesahkan bahawa saya telah menjelaskan Lembaran Maklumat Produk ini kepada Pelanggan.	Saya mengesahkan bahawa Lembaran Maklumat Produk ini telah dijelaskan kepada saya, dan saya memahami penjelasan yang diberikan serta bersetuju untuk membuka <i>Micro Current Account</i> yang berkonsepkan <i>Qardh</i> mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Perbadanan TAIB.
Nama: No K/P: Tarikh:	Nama: No K/P: Tarikh:
..... (Untuk dan bagi pihak Perbadanan TAIB) (Tandatangan Pelanggan)